

Visa: Kita tidak akan

buat bantahan

UM - 4 AUG 2003

PORT DICKSON 3
Ogos — Malaysia tidak akan membuat bantahan berhubung prosedur baru permohonan visa ke Amerika Syarikat (AS) yang mewajibkan pemohon hadir sendiri di hadapan pegawai konsul kedutaannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan adalah menjadi hak bagi kerajaan AS untuk berbuat demikian.

“Xtu adalah hak dia (AS). Jika mereka ada mengesyaki sesuatu terhadap rakyat Malaysia (membuat prosedur baru) apa boleh saya buat.

“Tak bantah. Dia orang buat di negeri dia orang, itu hal mereka, jangan kacau negara kita. sudahlah,” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Hari Keluarga Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri, di Hotel Guoman, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai peraturan baru yang dikenakan oleh AS bagi permohonan visa bukan imigran termasuk rakyat Malaysia.

Peraturan yang berkuat kuasa 1 Ogos mengenakan syarat pemohon hadir sendiri di hadapan pegawai konsul Kedutaan AS di Kuala Lumpur.

Pegawai Jabatan Negara AS, Stephen Edson bagaimanapun berkata, pengeluaran visa oleh pegawai konsul di kedutaan atau konsulat tidak menjamin seseorang itu

dapat masuk ke negara tersebut.

Sementara itu, ditanya mengenai dakwaan tiga rakyat Malaysia yang mereka dimalukan termasuk dibogelkan ketika pemeriksaan ketat oleh pihak berkuasa New Zealand pada 19 Julai la-

lu, kata Perdana Menteri, beliau sedih akan kejadian itu jika dakwaan itu benar.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, rakyat negara ini tidak sepatutnya diperlakukan sebegitu.

“Saya merasa sedih dan rakyat Malaysia ti-

tidak seharusnya diperlakukan begitu kerana kebanyakan rakyat Malaysia adalah yang bertanggungjawab.

“Jika ada di kalangan mereka yang bertindak mengikut kemahuan sendiri, mereka sudah pasti sudah ditahan oleh

kerajaan (Malaysia),” tegasnya.

Dalam laporan akhbar semalam, mangsa tersebut, Liew Eng Teck, Tan Teck Hing dan How Ah Wan dari Melaka mendakwa bahawa mereka terpaksa melalui pemeriksaan yang ketat ter-

masuk dibogelkan oleh pihak berkuasa negara itu.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam reaksinya pula memberitahu hak kerajaan akan menyangkut nyaiasat dakwaan tersebut.

Menurut Syed Hamid, jika apa yang didakwa itu benar maka ia merupakan satu tindakan yang tidak berasas kepada hak asasi manusia dan melanggar tata susila mana-mana masyarakat di dunia.